

KERATAN AKHBAR



AKHBAR	: SINAR HARIAN		
TARIKH	: 21/10/2019	MUKA SURAT	: 30
JABATAN	: PERHILITAN		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		

APM selamatkan mamalia kelaparan yang berkeluaran di rumah penduduk

ASTRAF MUHAMMAD

HULU SELANGOR

Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) berjaya menyelamatkan seekor mamalia yang jarang ditemui dikenali sebagai binturong di Kampung Hulu, Sungai Choh di sini Jumaat lalu.

Pegawai Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Daerah Hulu Selangor, Kapten Hilmi Husman berkata, pada mulanya pihaknya menerima maklumat bertubung kejadian kira-kira jam 4.54 petang selepas terdapat seekor berruang sedang berkeluaran di kawasan rumah penduduk.

Menurutnya, susulan itu enam anggota APM telah ke lokasi dan seurus tiba pihaknya mendapati haiwan tersebut bu-

Binturong disangka berruang

FOTO: HSHAN APM HULU SELANGOR



Binturong yang ditemui di rumah penduduk di Kampung Hulu, Sungai Choh pada Jumaat lalu.

kannya berruang, namun seekor binturong.

"Menurut orang awam yang berada di lokasi, mamalia itu kelihatan lapar dan tidak agresif malah turut boleh diberi makan pisanng."

"Apabila haiwan itu berlegar-legar di kawasan rumah, mereka telah menghubungkan talian keemasnan 999 untuk meminta ban-

tuannya dalam satu kenya-taan di sini semalam.

Hilmi berkata, anggota APM turut mengumpan binturong berkenaan dengan menggunakan pisanng sebelum ia berjaya ditangkap dan diselamatkan.

Katanya, binturong berkenaan kemudiannya diserahkan ke pada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara

(Perhilitan) Kuala Kubu Bharu untuk tindakan selanjutnya.

"Perhilitan akan meneliti tahap kesihatan binturong terbabit bagi memastikan ia berada dalam keadaan sihat," katanya.

Menurut Hilmi, pihaknya turut memuji sikap keprihatinan orang awam yang melaporkan mengenai penemuan mamalia tersebut pada kadar segera.

INFO BINTURONG

- Binturong merupakan mamalia daripada spesies musang dan bertubuh besar
- Nama saintifiknya ialah *arctictis binturong*
- Musang binturong merupakan haiwan yang dilindungi dan memerlukan lesen pemburuan
- Ia dilancarkan kehilangan habitat melalui aktiviti pembalakan, pembakaran hutan dan sebagainya
- Antara makanan musang binturong ialah serangga, cacing dan buah-buahan
- Di Sabah, musang binturong tersenarai sebagai haiwan terlindung di bawah Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997